

28/09/2003

Azmi nafi idam kerusi MB Perlis

GEORGETOWN: Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata beliau amat bersyukur dengan tugas yang dipegangnya sekarang, sekali gus menafikan untuk merebut jawatan Menteri Besar Perlis.

Katanya, beliau amat berpuas hati kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantiknya sebagai menteri Pusat.

"Ini adalah spekulasi, saya sendiri tak tahu ke mana saya nak pergi. Saya bersyukur dan tak ada niat, saya tak pernah mimpi nak duduk tang ni (jadi menteri).

"Tambah pulak nak rebut kerusi orang itu dan orang ini, tak ada niat... memang tak ada niat," katanya selepas merasmikan Karnival Sukan Tabika Kemas Pulau Pinang di Stadium Universiti Sains Malaysia (USM), di sini, semalam.